

## Mohammad Natsir di Kongres Islam – Makkah al-Mukarramah

Pada bulan Oktober 1968 yang lalu satu Kongres Islam mengenai masalah Palestin telah diadakan di Kota Suci Makkah, dengan dihadiri oleh para anggota kongres yang datang dari negara-negara Islam Asia dan Afrika.

Di antara para intelek Islam yang telah diundang khas menghadiri persidangan kongres tersebut ialah Dr. Mohammad Natsir – bekas ketua parti Masyumi Indonesia.

Sebelum daripada persidangan kongres tersebut dijalankan Tuan Abdul Karim Niazi pemberita akhbar Harian “*al-Bilād*” – Makkah al-Mukarramah – telah sempat menginterview beliau dalam masalah mengenai perjuangan rakyat Palestin dan pencerobohan Israel terhadap negara-negara Arab dan juga mengenai masalah perpaduan umat Islam yang sedang diperbincangkan dengan hangat pada hari ini. – Pengarang

(Sedutan dan terjemahan daripada akhbar “*al-Bilād*”)

- |  |   |  |
|--|---|--|
| S: Apa pendapat tuan mengenai persidangan umum yang telah diadakan di markas Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini berhubung dengan masalah Palestin dan Perang Timur Tengah pada 5 haribulan Jun 1968 lalu? | J: Perbincangan mengenai masalah Palestin yang telah diadakan di dalam Persidangan Umum Bangsa-bangsa Bersatu itu adalah merupakan suatu perbincangan dari segi diplomasi tidak merupakan perbincangan dari segi pemikiran, | rohani dan material, jadi kekuatan ini mestilah bersandar kepada kecergasan kita di bidang diplomasi di perhimpunan-perhimpunan antara bangsa, dan kekuatan di bidang diplomasi ini mestilah pula terkandung di dalam semua lapangan |
|--|---|--|



Tuan Mohammad Natsir sedang ditemu ramah oleh pemberita akhbar “*al-Bilād*” Sayyid Abdul Karim Niazi.

## Mohammad Natsir di Kongres...

perjuangan untuk masa depan seluruh umat Arab dan Muslimin. Ini memang sudah menjadi suatu kewajiban, dan berhubung dengan ini ada suatu firman Tuhan mengenainya: **“Wa a‘iddū lahum ma istaḥtū min quwwatin wa min ribāṭi al-khayli turhibūna bihī ‘aduwwa.Allāhi wa ‘aduwwakum”**. Artinya: “Hendaklah kamu bersedia buat melawan mereka (musuh) sekadar tenagamu iaitu dengan kekuatan dan askar berkuda yang mengawal perbatasan negeri, supaya dengannya boleh kamu menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu.”

Adapun yang telah kita sama rasai daripada perjuangan rakyat yang begitu memuncak di dataran bumi-bumi Arab yang dirampas, dan apa yang diutarakan kepadanya daripada semangat

perjuangan yang begitu mendadak di jiwa seluruh rakyat Arab yang beragama Islam itu tidaklah harus semata-mata bergantung kepada konsep-konsep diplomasi untuk menentang dan menghapuskan kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh pihak musuh. Dalam soal ini umat Arab hendaklah memperjuangkan hak mereka dengan cara bersendiri dengan bersandarkan tabiat semula jadi yang bersesuaian dengan iklim tanah air mereka sendiri untuk menentang segala corak kezaliman yang akan menodai kehormatan diri dan tanah air mereka. Ini adalah suatu hakikat yang sebenarnya yang menyebabkan kita sendiri merasakan bahawa di sana sudah ada beberapa kemajuan yang membanggakan di kalangan umat Arab.

Kita sudah banyak mendengar orang mengatakan: “Bahawa bersatu padu itu menimbulkan kekuatan”... kekuatan itu memanglah merupakan suatu

tenaga yang dinamik bagi mencapai sesuatu cita-cita yang diperjuangkan oleh sesuatu umat atau sesuatu bangsa. Tetapi kalau kita meninjau kejadian-kejadian sejarah dari suatu masa ke suatu masa banyak pula yang menunjukkan bahawa manusia tidaklah begitu mustahak menunggu sampai terciptanya suatu “persatuan umum” yang lebih besar dan meluas bagi mencapai kekuatan yang diperlukan itu... banyak kita dapati sesuatu perjuangan yang tercatat di dalam buku-buku sejarah, adanya suatu golongan yang kecil (sedikit bilangannya) tetapi mereka benar-benar beriman dan mempunyai semangat yang kuat sanggup menciptakan suatu “tenaga yang kuat” dan dengan kekuatan iman dan dorongan semangat yang sebegitu meluap sehingga dapatlah mereka menyusun kekuatan itu dengan secara beransur-ansur untuk menuju kepada suatu



Persidangan kongres sedang berjalan dengan lancar.

“perpaduan” yang lebih besar dan meluas meliputi semua peringkat dan golongan. Inilah yang dibayangkan oleh Tuhan di dalam suatu firman-Nya yang berbunyi: *“Kam min fi’atin qatlatin ghalabat fi’atan kathiratan bi idhni Allah”* Ertinya: “Berapa banyak golongan yang kecil dapat mengalahkan golongan yang besar dengan izin Allah” [Surah al-Baqarah ayat 249].

S: Apa pendapat tuan mengenai Persidangan Kongres Kemuncak Islam yang telah dicadangkan oleh setengah daripada negeri-negeri Islam dan mengapa sebahagian sahaja di antara negara-negara Islam yang menyokong dan mengakui sanggup untuk menghadiri kongres tersebut?

J: Di sana sudah jelas dan ini adalah suatu kenyataan bahawa orang-orang Islam – walau di mana sahaja mereka berada – P – apabila mereka diancam oleh sesuatu bahaya dari luar, maka mereka segera bersatu padu untuk menentang bahaya itu. Tetapi apabila mereka merasakan bahawa bahaya-bahaya itu sudah terhindar dari mereka – meskipun ia merupakan suatu bahaya yang masih mengancam keselamatan mereka – pada ketika itu mereka kembali berpecah belah, bercerai-berai, dan mementingkan diri sendiri sahaja.

Sewaktu lawatan saya ke Khartoum – ibu negara Sudan. P – pada musim panas tahun yang lalu, saya merasakan di sana ada dorongan semangat rakyat untuk berjuang semangat itu sangat meluap, lantaran

mereka terasa suatu bahaya berada di hadapan mereka-mereka, apa yang dirasakan oleh rakyat itu terasa pula kepada penganjur-penganjur dan pemimpin-pemimpin mereka, yang mana mendorong pihak yang bertanggungjawab di sana dan juga lain-lain pemimpin-pemimpin negara Islam yang telah saya lawati untuk meluaskan bidang perpaduan umat Islam ke seluruh negara-negara Islam yang lain. Kalaulah cita-cita perpaduan yang lebih luas itu telah mereka laksanakan, maka sudah tentu beberapa kejayaan sudahpun mereka capai dan kita mengharapkan cita-cita yang semurni ini akan mendatangkan kebaikan kepada Islam dan seluruh kaum Muslimin.

Tegasnya saya dapati hasil dari hubungan yang telah saya lakukan dengan ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin bangsa di negeri-negeri yang telah saya lawati itu, sangatlah membanggakan hati saya. Boleh dikatakan semua mereka bersimpati dan menyokong serta bersedia untuk turut sama memberikan tenaga dan fikiran mereka dalam

usaha-usaha mempersatupadukan umat Islam di seantero dunia dengan lebih rapat walau dari mana sekalipun sumber usaha yang mulia itu ditimbulkan. Saya percaya dan yakin dengan adanya semangat perpaduan yang tertanam di jiwa setiap ketua-ketua negara dan pemimpin-pemimpin Islam di seluruh dunia mudah-mudahan akan muncullah suatu tenaga raksaksa yang sumber terbitnya dari hati-hati mereka yang telah mulai insaf dengan kelemahan-kelemahan dan kemunduran-kemunduran umat Islam pada zaman serba maju ini. Saya berharap ia bukan hanya merupakan cita-cita kosong, tetapi cita-cita yang akan menelurkan suatu kenyataan yang benar dan hakiki.

Meskipun cita-cita mulia ini sudah setahun berlalu dan ia masih belum dapat dilaksanakan sebagaimana yang diharap-harapkan namun demikian pemikiran-pemikiran yang datangnya daripada dunia Islam adalah masih ditunggu-tunggu dan kita janganlah berasa ragu-ragu bahawa cita-cita untuk perpaduan Islam itu tetap menggelegak dan bergerak dengan



Wakil daripada Rābiṭah al-‘Ālamī al-Islāmī yang diketuai oleh Şihāb<sup>1</sup> al-Mu‘ālī al-Shaykh Mohammed Suuroor al-Sabban.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah Şāhib.

## Mohammad Natsir di Kongres...

pesat menuju ke matlamatnya. Masanya akan tiba perpaduan agung itu pasti akan dapat dilaksanakan, pasti akan dapat diwujudkan oleh umat Islam sendiri.

Yang diharapkan kita hendaknya janganlah lekas lemah semangat atau berputus asa, melihat langkah usaha menuju ke jalan perpaduan kita itu sedang berjalan dengan begitu lambat, sedang kita sendiri mengetahui bahawa usaha-usaha tersebut sudah pun dimulakan, sekalipun langkah pertama itu kita mulakan hanya dengan dua atau tiga negara sahaja, tetapi usaha yang memang menjadi dasar dan konsep agama kita itu lambat laun akan tambah membesar dan lebih meluas, sehingga meliputi kesemua negara-negara Islam yang

wujud di muka bumi ini, kerana soal perpaduan ini bukanlah merupakan suatu fikiran yang didapati di dalam mimpi ataupun terbitnya dari suatu khayalan disebabkan langkah penglaksanaannya berjalan di dalam suasana yang begitu sejuk dan lembab dan tidak di dalam suasana yang gegak gempita dengan tempik sorak, tetapi ia terus berjalan, sekalipun jalan-jalan yang ditempuhinya itu bersimpang-siur dan bercabang-cabang.

Ini dapat kita saksikan perikatan atau perpaduan yang telah dilaksanakan oleh tiga buah negara yang terbesar iaitu Pakistan, Iran dan Turki, meskipun perpaduan ketiga-tiga negara itu tidak meliputi di dalam semua aspek, tetapi perpaduan yang terbatas ini sudah menunjukkan adanya titik permulaan untuk menuju ke pintu gerbang perpaduan

Islam yang lebih besar dan lebih meluas. Langkah ini pasti akan dituruti pula orang negara-negara Islam lain yang terletak di dalam kawasan-kawasan Timur Tengah, benua Afrika, benua Asia dan lain-lain, di lain-lain kawasan yang penghuninya terdiri daripada orang-orang Islam.

Di akhirnya sekali saya tegaskan bahawa perpaduan-perpaduan yang dimulai dari golongan yang kecil itu adalah sebagai perintis jalan untuk menuju ke arah perpaduan-perpaduan yang lebih besar yang menjadi tujuan kita yang terakhir.

[Dengan kata-kata inilah Yang Berhormat Dr. Mohammad Natsir mengakhiri pendapat-pendapatnya yang berharga itu, lantaran masa persidangan kongres sudah tiba. Saya pun lantas mengucapkan “selamat bersidang” kepada beliau, dengan harapan di suatu masa yang lain saya dapat peluang lagi berjumpa dengan beliau untuk memperbincangkan sesuatu pendapat-pendapat baru yang akan mendatangkan kebaikan kepada seluruh umat Islam menuju ke arah perpaduan Islam yang dicita-citakan itu dengan berpandukan asas-asas dan dasar-dasar pengajaran Islam yang sentiasa kita jadikan pedoman menuju ke arah kemuliaan, kemajuan dan kebahagiaan hidup kita dari alam *fanā'* hingga ke alam *baqā'*.



Wakil daripada Lembaga Islam Negara Asia dan Afrika, yang diketuai oleh Tuan Ahmad Syaikhu Ketua Dewan Rakyat Indonesia.